

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian - Ekonomi**

Circulation/Audience: **192,982**

Date: **26 July 2010**

Reference: **Saint-Gobain**

Headline: **Saint-Gobain labur RM175 juta (Saint-Gobain invested RM175 million)**

24 | Isnin 26 Julai 2010

EKONOMI

BH PILIH 24A 26 (emel)

Saint-Gobain labur RM175 juta

70 peratus pelaburan untuk kilang memproses papan kapur gypsum

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

KUMPULAN Saint-Gobain, sebuah syarikat Fortune 500 yang berpangkalan di Perancis sudah melabur sejumlah RM175 juta dalam operasinya di Malaysia.

Kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan itu adalah bagi kilang memproses papan kapur gypsum di Pelabuhan Klang yang kini dikenali sebagai Saint-Gobain Construction Products (Malaysia) Sdn Bhd (dulunya BPB Malaysia Gypsum Sdn Bhd).

Pengarah Urusan Saint-Gobain Construction Pro-

ducts, Edward Loy, berkata papan kapur gypsum berjenama 'Gyproc' yang dikeluarkannya dapat memenuhi pelbagai keperluan seperti kalis bunyi dan tahan lembapan, selain memiliki struktur kukuh.

"Saint-Gobain adalah peneraju pasaran global dalam penghasilan bahan pelekat serta turapan jubin dan sejajar strategi global kami untuk kekal sebagai peneraju industri bahan binaan, kami bercadang melabur sehingga RM40 juta tahun depan untuk membina kilang mortar baru di Shah Alam menggunakan teknologi terkini yang kami bangunkan, manakala kilang



lama di Sungai Buloh, Selangor akan diubah suai untuk dijadikan gudang penyimpanan," katanya dalam satu temu bual di Pelabuhan Klang,

“Kami bercadang melabur sehingga RM40 juta tahun depan untuk membina kilang mortar baru di Shah Alam”

Edward Loy
Pengarah Urusan
Saint-Gobain
Construction Products

baru-baru ini.

Loy berkata syarikat itu juga sedang menjalankan kajian daya maju untuk melabur dalam kilang memproses

plastik berprestasi tinggi di Johor.

Kumpulan Saint-Gobain yang disenaraikan pada kedudukan 105 senarai syarikat terbesar Fortune 500, tahun lalu mencatat jualan global 38 bilion euro (RM153 bilion).

Antara produk yang dihasilkan ialah kaca berprestasi tinggi dikenali dengan jenama 'Sekurit' yang digunakan dalam pengeluaran kereta mewah seperti Mercedes dan BMW.

Di Malaysia, perniagaan Saint-Gobain antara lainnya membabitkan pengeluaran papan kapur gypsum, mortar industri dan plastik berprestasi tinggi.